

**JABATAN KEWANGAN HCTM • FINANCE DEPARTMENT OF HCTM**

Rujukan : UKM HTM. 3/224/2/4  
Tarikh : 12 Jun 2026

**SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 8/2026**

Ketua/ Pengurus  
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit  
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK) KEPADA KAKITANGAN YANG BERKELAYAKAN DI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ (HCTM)**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Garis Panduan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia bertarikh 13 April 2026 serta Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/2024 Pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Persekutuan – rujukan E4-U53 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, objektif pembayaran BITK adalah untuk memastikan tugas pengurusan kewangan dilaksanakan dengan cekap dan teratur secara **sepenuh masa**.

3. Takrifan :-

**3.1 Tugas Pengurusan Kewangan**

Tugas kewangan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) merangkumi bidang tugas berikut :-

- 3.1.1 Pengurusan dan kawalan belanjawan,
- 3.1.2 Pengurusan kewangan am,
- 3.1.3 Pengurusan terimaan,
- 3.1.4 Pengurusan perolehan Kerajaan
- 3.1.5 Pengurusan bayaran emolumen,
- 3.1.6 Pengurusan pembayaran,
- 3.1.7 Pengurusan akaun,
- 3.1.8 Pemantauan dan naziran kewangan dan perakaunan,



**JABATAN KEWANGAN**  
**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur  
Tel.: +603-9145 6488 / 6972 / 5189 / 6489 E-mel: unitdasarjkew@hctm.ukm.edu.my Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>

- 3.1.9 Perakaunan pengurusan,
- 3.1.10 Perakaunan aset, dan
- 3.1.11 Khidmat nasihat dan perundingan kewangan dan perakaunan.

### 3.2 Tugas Kewangan Sepenuh Masa

Keseluruhan tugas harian pegawai adalah menjalankan tugas kewangan **sepenuh masa**. Sekiranya tugas kewangan hanya merupakan salah satu daripada bidang tugas harian pegawai berkenaan, maka ianya tidak boleh ditakrifkan sebagai menjalankan tugas kewangan **sepenuh masa** dan pegawai berkenaan tidak layak dibayar BITK.


### 3.3 Pejabat Kecil

Unit di sesuatu jabatan sama ada di peringkat negeri, wilayah, daerah, stesen atau istilah lain yang digunakan bagi unit yang berkenaan di mana lokasi unit tersebut wujud secara bersendirian. Perjawatan unit ini adalah berdasarkan pengoptimuman sumber manusia sedia ada yang memerlukan kemahiran *multi-tasking* atau/ dan *multi skilling*.

## 4. Syarat-syarat kelayakan :-

- 4.1 Pegawai Perkhidmatan Awam yang layak menerima BITK adalah Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) yang menjalankan tugas pengurusan kewangan secara **sepenuh masa**.
- 4.2 Pegawai Pengawal boleh memberi pertimbangan khas dan bertanggungjawab menentukan pegawai-pegawai selain daripada Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan dan layak dibayar BITK. Pegawai-pegawai tersebut adalah seperti berikut :-
  - 4.2.1 Pegawai dalam skim perkhidmatan lain di Gred 4 dan ke bawah dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan **sepenuh masa** tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan, dan
  - 4.2.2 Pegawai dalam skim perkhidmatan lain Gred 4 dan ke bawah yang ditempatkan bertugas di pejabat kecil dengan syarat jawatan tersebut telah ditetapkan untuk menjalankan tugas pengurusan kewangan selain menjalankan tugas hakikinya.

5. Sehubungan itu, Jabatan Kewangan, HCTM akan membuat semakan semula kelayakan terhadap kakitangan-kakitangan yang telah dibayar BITK di PTj- PTj yang berkaitan selaras dengan **perkara 3.1, 3.2, 3.3, 4.1, 4.2, 4.2.1 dan 4.2.2** dan akan membatalkan kelulusan yang telah diberikan sebelum ini sekiranya didapati tidak memenuhi takrifan dan syarat-syarat kelayakan tersebut.



**JABATAN KEWANGAN**  
**HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**  
 Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,  
 Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 6488 / 6972 / 5189 / 6489 E-mel: unitdasarjkw@hctm.ukm.edu.my Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>



JABATAN KEWANGAN HCTM • FINANCE DEPARTMENT OF HCTM

Sekian, kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

"Cekap, Pantas, Mesra"

Yang benar,


**SURAYA BINTI ABDUL HAMID C.A. (M)**

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

- s.k. - **YBhg. Prof. Dato' Dr. Razman bin Jarmin**  
Pro Naib Canselor, Kampus Kuala Lumpur
- **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**  
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01547



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01547



CERTIFIED TO ISO 9001:2015  
CERT. NO. : QMS 01547



ACCREDITED  
HOSPITAL

JABATAN KEWANGAN

HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Tingkat 1, Kompleks Pendidikan Perubatan Canselor Tuanku Ja'afar, Kampus Kuala Lumpur,  
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur

Tel.: +603-9145 6488 / 6972 / 5189 / 6489 E-mel: unitdasarjkew@hctm.ukm.edu.my Web: <https://hctm.ukm.my/kewangan/>